



KONVENSYEN PERBANDARAN NEGARA



Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan telah menganjurkan Konvensyen Perbandaran Negara pada 17 Januari 2017. Konvensyen Perbandaran Negara yang pertama kalinya di Malaysia ini merupakan salah satu platform untuk mendapatkan pandangan daripada pelbagai latar belakang kepakaran. Pakar-pakar yang terdiri dalam kalangan Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, golongan profesional, agensi kerajaan, para akademik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) menterjemah **Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda)** yang menyentuh isu perbandaran dan kesejahteraan penduduk bandar.

Konvensyen tersebut dilaksanakan dalam bentuk perbincangan secara berkumpulan dan topik perbincangannya adalah berkaitan langkah pelaksanaan sasaran utama Agenda Perbandaran Baharu di negara ini dengan mengambil kira **Strategi dan Tindakan, Draf Pelan Sejahtera Rakyat Bandar (PSRB)**. Konvensyen Perbandaran Negara merupakan langkah awal Malaysia untuk menyahut komitmen NUA yang diterjemah dan diselaraskan dengan PSRB mengikut acuan negara berdasarkan faktor fizikal, sosio ekonomi, sosial budaya, demografi dan sebagainya. PSRB ini akan menjadi asas pelaksanaan yang perlu didokumentasi dan dipantau pelaksanaannya pada masa hadapan.



Resolusi daripada konvensyen ini akan turut dijadikan input dalam memuktamadkan Pelan Sejahtera Rakyat Bandar (PSRB) yang disediakan bertujuan meningkatkan tahap kesejahteraan penduduk bandar dengan memberi penekanan dalam aspek berkaitan pengangkutan awam, perumahan, modal insan, ekonomi, persekitaran dan tadbir urus yang baik seperti yang termaktub di dalam Agenda Perbandaran Baharu.

Sementara itu, input-input yang diperolehi daripada penganjuran konvensyen ini turut digunakan semasa penganjuran **Forum Perbandaran Sedunia Ke-9 (WUF9)** yang telah diadakan pada **7 hingga 13 Februari 2018** bertempat di **Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)**. Tema bagi penganjuran WUF9 adalah berkaitan dengan “*Implementing the New Urban Agenda*”.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat